

Bahasa Melayu dan Perpaduan Nasional: Peranan dan cabaran dalam kalangan Mahasiswa

Malay Language and National Unity: The Role and Challenges Among University Students

Nur Aini binti Ahmad

*Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*Penulis Koresponden: ainiahmad1993@gmail.com

Diterima: 28 Ogos 2024; **Disemak semula:** 26 Ogos 2025 **Diterima:** 28 Ogos 2025; **Diterbitkan:** 04 Sept. 2025

To cite this article (APA): Ahmad, N. A. (2025). Bahasa Melayu dan Perpaduan Nasional: Peranan dan cabaran dalam kalangan Mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 98-106. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.8.2025>

Abstrak

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia dan memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial, budaya dan politik di negara ini. Namun, perkembangan teknologi dan media sosial telah mempengaruhi cara generasi muda berkomunikasi dan menggunakan bahasa sehingga menimbulkan isu yang perlu dianalisis bagi merumuskan strategi pemeraksanaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, kecenderungan ibu bapa yang mengutamakan bahasa Inggeris berakar pada persepsi bahawa penguasaan bahasa tersebut memberikan kelebihan dalam prospek kerjaya dan pendidikan, sekali gus meningkatkan peluang kejayaan mereka. Kajian ini secara umumnya meneliti tentang kefahaman dan penglibatan generasi muda di Malaysia khususnya di pusat pengajian tinggi dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai asas kepada pembentukan identiti kebangsaan serta kesepaduan di negara ini. Dalam kajian ini, seramai 15 orang mahasiswa telah dihubungi dan dipelawa untuk menjadi responden. Mereka ialah warganegara Malaysia yang merupakan pelajar di institusi pengajian awam dan juga swasta. Responden yang dipilih masing-masing telah dikenal pasti latar belakangnya. Oleh itu, responden yang menyertai kajian ini merupakan individu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, mempunyai pengalaman bertutur dalam bahasa Melayu, berada dalam kelompok penutur bahasa Melayu dan mempunyai kelayakan akademik di peringkat ijazah sarjana muda. Kaedah kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan mengaplikasikan kaedah temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan dapatan data. Dapatan kajian ini menunjukkan dengan jelas bahawa institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memperkukuh kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa, terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Hal ini termasuk daripada segi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi lisan dan bertulis. Meskipun menghadapi pelbagai cabaran untuk mempertahankan penggunaan bahasa Melayu, namun bahasa kebangsaan ini akan terus utuh dan kekal berdaya saing melalui usaha yang berterusan daripada semua pihak.

Kata kunci: Bahasa Melayu, generasi muda, identiti kebangsaan, kesepaduan, universiti

Abstract

Malay language is the national language in Malaysia and plays an important role in the country's social, cultural, and political life. Nevertheless, technological advancement and social media have influenced how the younger generation communicates and uses language, thus raising issues that need to be analyzed in order to formulate strategies to empower the Malay language among university students. In addition, the tendency of parents to prioritize English is rooted in the perception that proficiency in the language provides an advantage in terms of career and educational prospects, thereby increasing their chances of success. This study generally examines the understanding and involvement of the younger generation in Malaysia, especially in higher education institutions, in using the Malay language as a foundation for the formation of national identity and unity in the country. In this study, 15 university students were contacted and invited to participate as respondents. They are Malaysian citizens

who are students at both public and private higher education institutions. The selected respondents had their backgrounds identified. Therefore, the respondents participating in this study are individuals who use Malay as their mother tongue, have experience speaking in Malay, belong to the Malay-speaking community, and hold at least a bachelor's degree qualification. A qualitative research method was used in this study by applying interview and observation techniques to collect data findings. The findings of this study clearly show that educational institutions play an important role in strengthening Malay language proficiency among students, particularly at the higher education level. This includes the use of Malay in both oral and written communication. Although there are various challenges in maintaining the use of the Malay language, the national language will remain strong and competitive through continuous efforts from all parties.

Keywords: Malay Language, young generations, national identity, unity, university

PENGENALAN

Bahasa Melayu sememangnya memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Penggunaan bahasa yang baik, mudah difahami dan dapat dituturkan oleh pelbagai lapisan masyarakat seperti bahasa Melayu membolehkan komunikasi yang berkesan berlaku antara kaum. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi medium interaksi, malah telah mempunyai peranan sebagai bahasa perpaduan nasional. Sejak negara mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu telah menjadi penghubung antara rakyat pelbagai kaum dan budaya. Sehingga ke hari ini, peranan tersebut terus dilaksanakan dengan jayanya oleh bahasa kebangsaan ini melalui sistem pendidikan, pentadbiran kerajaan dan media massa. Bahasa Melayu telah membina jambatan persefahaman antara rakyat dan mengukuhkan semangat kekitaan serta identiti kebangsaan.

Kesan utama meletakkan bahasa Melayu ke taraf kebangsaan ialah bahasa ini dapat menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat berbilang kaum untuk mencapai perpaduan. Perpaduan tersebut penting dan bertujuan untuk menyatukan masyarakat yang memiliki kerencaman bahasa, budaya, agama serta perayaan seperti di Malaysia. Justeru, timbul persoalan akan keberkesanan selain kefahaman dan penglibatan rakyat Malaysia terhadap perkara ini. Belia pada masa kini khususnya kalangan mahasiswa boleh memainkan peranan dalam menyebarkan kesedaran mengenai pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan rakan sebaya dan masyarakat secara meluas. Melalui program-program dalam bidang pendidikan, mereka dapat mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan kepentingan untuk memahami dan menghormati kepelbagaian bahasa serta budaya. Mahasiswa di institusi pengajian tinggi boleh menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti-aktiviti kampus seperti penganjuran seminar, diskusi dan acara-acara sukan. Program-program ini dapat membantu untuk memupuk suasana yang inklusif dan mendorong pelajar daripada pelbagai latar belakang yang berbeza untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu. Dengan menjadi contoh teladan dan agen perubahan, generasi muda khususnya mahasiswa memainkan peranan penting dalam memastikan bahasa Melayu terus menjadi bahasa perpaduan yang dapat memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia.

Bahasa Melayu juga merupakan instrumen sosial yang penting dalam pembentukan identiti nasional, komunikasi antara kaum dan pembinaan perpaduan dalam masyarakat majmuk. Di Malaysia, bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan sejak kemerdekaan, seiring dengan aspirasi untuk menyatukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang budaya (Asmah Haji Omar, 2005). Bahasa Melayu turut memainkan peranan yang besar dalam membina kesefahaman antara etnik dan mengurangkan jurang komunikasi yang boleh menimbulkan salah faham atau konflik budaya melalui peranannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda khususnya mahasiswa menghadapi beberapa tentangan yang hebat. Perkembangan teknologi dan pengaruh media sosial telah mengubah generasi muda dalam cara berkomunikasi dan menggunakan bahasa. Fenomena ini secara tidak langsung telah memunculkan beberapa isu yang perlu diidentifikasi dan difahami agar langkah-langkah strategik dapat diambil untuk mempromosikan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan mahasiswa. Pada masa yang sama, sikap ibu bapa yang mementingkan akademik dan mengutamakan bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris adalah fenomena yang dapat ditemui dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Faktor yang mendorong kepada sikap itu ialah ibu bapa beranggapan bahawa kemahiran berbahasa Inggeris dapat memberikan

peluang yang lebih luas dalam pasaran pekerjaan dan bidang pendidikan. Mereka percaya bahawa penguasaan bahasa Inggeris dapat membantu anak-anak meraih kejayaan dan mencapai prestasi yang lebih baik. Selain itu, sesetengah masyarakat turut beranggapan bahawa bahasa Melayu kurang relevan dalam bidang pendidikan dan pasaran pekerjaan, terutamanya jika mereka melihat bahasa Inggeris sebagai pintu kepada peluang yang lebih luas. Perkara tersebut boleh mengakibatkan pandangan negatif terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Pandangan negatif ini amat penting untuk diatasi dengan menggalakkan kefahaman tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi di samping mempromosikan penglibatan mahasiswa dalam menggunakan bahasa tersebut di institusi pengajian tinggi.

KAJIAN LITERATUR

Dalam usaha untuk membina semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa, pengukuhan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu diberi keutamaan. Norul Huda Mohd Ghazali, Sharliana Che Ani dan Sharmelaa Mahindran (2024) telah meneliti peranan pengajian bahasa Melayu dalam memperkukuhkan identiti kebangsaan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Mereka mendapati bahawa pelajar yang memahami dan menghargai identiti kebangsaan cenderung untuk lebih bersemangat untuk memberi sumbangan kepada masyarakat serta mempamerkan jati diri yang kukuh. Kajian yang dijalankan tersebut turut menekankan bahawa identiti kebangsaan yang kukuh akan dapat membantu dalam mewujudkan perpaduan dan kestabilan sosial kerana bahasa Melayu bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi tetapi sebagai medium penting dalam pembinaan identiti dan perpaduan negara. Hal ini termasuklah melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan yang diyakini dapat memberi impak positif dari sudut perpaduan dan merapatkan hubungan antara pelajar pelbagai kaum.

Bahasa Melayu merupakan wahana komunikasi yang mutlak bagi masyarakat pelbagai kaum di Malaysia tanpa mengira taraf sosial sama ada mereka menetap di bandar mahupun sebaliknya. Dalam konteks masyarakat majmuk, bahasa merupakan salah satu komponen penting untuk mengakhiri tembok pemisah dan pertelingkahan yang wujud antara kaum di negara ini. Hal ini kerana, bahasa merupakan alat perhubungan yang menghubungkan kerencaman etnik dan budaya dalam kalangan masyarakat majmuk. Pergaulan antara kaum memerlukan bahasa yang mudah difahami, dikuasai oleh kebanyakan rakyat, praktikal dan mampu menyampaikan fikiran serta emosi secara lengkap (Jeniri Amir, 2009). Elemen-elemen tersebut secara tidak langsung akan menyerlahkan nilai sosiobudaya yang menjadi dasar kepada kebanggaan dan rasa cinta terhadap bahasa Melayu. Kenyataan ini turut disokong oleh Hishammuddin Tun Hussien (2005) yang menyatakan bahawa kesedaran bangsa Malaysia dalam menggunakan bahasa Melayu secara tidak langsung akan memberikan kedudukan dan penghormatan yang sewajarnya kepada bahasa tersebut. Ini diperjelaskan melalui hujah beliau,

“Saya yakin melalui gerakan yang diberikan suntikan dan nafas baharu ini, kita dapat menggerakkan kesedaran baharu bangsa Malaysia untuk memberikan penghormatan dan kedudukan yang sewajarnya kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan dalam negara ini.”

Noor Azmira Mohamed (2019) menegaskan bahawa meskipun Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, namun pengaruh globalisasi dan keutamaan terhadap bahasa Inggeris telah mencabar kedudukan bahasa Melayu. Beliau menyatakan bahawa dalam konteks institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), mahasiswa terutamanya yang terdiri daripada etnik bukan Melayu lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa ibunda mereka dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan terhadap 100 orang mahasiswa IPTS menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan ini termasuklah keutamaan terhadap bahasa Inggeris, kurang fasih untuk berbahasa Melayu, kelemahan sokongan daripada pihak institusi dan kurangnya kesedaran terhadap kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan.

Berbeza pula dalam kajian ini apabila bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai medium untuk pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi, tetapi juga sebagai alat untuk membentuk identiti kebangsaan yang lebih utuh. Dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat pendidikan tinggi, maka secara tidak langsung perkara tersebut dapat merangsang semangat patriotisme dan mempertingkatkan rasa kebanggaan terhadap bahasa dalam kalangan mahasiswa. Pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dalam institusi pengajian tinggi terletak pada kemampuannya untuk menjalin hubungan antara pelajar daripada pelbagai latar belakang tanpa mengira bangsa dan bahasa ibunda mereka. Penggunaan bahasa yang sama di seluruh peringkat pengajian memastikan bahawa tiada sekatan komunikasi yang boleh menjejaskan proses pembelajaran dan perkongsian ilmu. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi simbol kesepaduan nasional, yakni bahasa itu bukan sahaja mendekatkan pelajar dengan ilmu, tetapi juga dengan sesama mereka, mengeratkan hubungan sosial, dan membina rasa kebersamaan serta toleransi dalam kalangan pelbagai kaum.

Walaupun penguasaan bahasa Melayu tidak menjadi isu utama bagi penutur jati, namun Haizah Bukari dan Norazana Awang Kechik (2022) berpendapat bahawa cabaran besar dihadapi oleh pelajar bukan penutur jati terutamanya dalam kalangan kaum Cina dan India. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dijadikan sebagai lambang identiti rakyat Malaysia yang bersatu. Bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa komunikasi dan pembelajaran, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai bahasa perpaduan yang menyatukan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Sebagai satu bahasa yang dikongsi bersama, bahasa Melayu berupaya merapatkan jurang antara etnik dan membentuk kefahaman bersama dalam kalangan rakyat. Kajian ini turut menekankan bahawa golongan pendidik memainkan peranan penting dalam merealisasikan dasar serta strategi pengukuhan bahasa melalui pelaksanaan yang berkesan sebagai salah satu usaha berterusan ke arah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan tunjang perpaduan negara.

Dalam konteks kajian ini, didapati bahawa proses penyatuan pelbagai kelompok dalam masyarakat penting untuk membentuk satu identiti bersama. Proses ini menjadi aspirasi utama bagi kebanyakan masyarakat, terutama dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Penggunaan satu bahasa bersama membolehkan komunikasi yang lebih berkesan seterusnya dapat mengukuhkan kefahaman dan toleransi antara masyarakat berbilang etnik. Perpaduan ini penting kerana tanpa perpaduan, negara akan mudah terdedah kepada pelbagai kelemahan yang boleh menggugat kedaulatan dan kestabilan negara itu sendiri. Kelemahan dalam perpaduan boleh menyebabkan perpecahan sosial, konflik antara kaum, dan ketidakstabilan politik. Oleh itu, usaha untuk memupuk perpaduan dan integrasi perlu diteruskan melalui pelbagai inisiatif, seperti pendidikan berteraskan nilai-nilai kebangsaan, program pertukaran budaya, dan dialog antara kaum. Dengan menitikberatkan perpaduan, negara akan menjadi lebih kukuh dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global. Setiap warga negara perlu memainkan peranan dalam menyokong usaha ini agar Malaysia terus maju sebagai sebuah negara yang bersatu dan makmur.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada penerokaan mendalam terhadap pandangan, pengalaman dan konteks sosial responden. Pendekatan ini dipilih kerana membolehkan pengkaji mendapatkan daya yang bersifat deskriptif mengenai fenomena bahasa yang dikaji. Pendekatan ini juga membolehkan pemerhatian terhadap nuansa penggunaan bahasa Melayu termasuklah faktor sikap, budaya, nilai dan kepercayaan yang mungkin mempengaruhi corak penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda (Denzin & Lincoln, 2018).

Reka bentuk kajian ini berbentuk penerokaan (*exploratory*) yang bertujuan untuk mengenal pasti pola, persepsi dan cabaran penggunaan bahasa Melayu melalui kaedah pengumpulan data tidak berangka. Kajian ini tidak bertujuan untuk menghasilkan generalisasi secara statistik tetapi lebih kepada memahami fenomena secara mendalam berdasarkan pengalaman responden (Merriam & Tisdell, 2016). Data dikumpul melalui dua kaedah utama:

- i. Temu bual separa berstruktur iaitu temu bual dijalankan secara bersemuka dan secara *online* dengan 15 orang mahasiswa berusia antara 19 hingga 24 tahun daripada pelbagai latar belakang etnik dan institusi pengajian tinggi. Soalan temu bual berbentuk terbuka digunakan untuk membolehkan responden memberikan pandangan dan pengalaman mereka dengan lebih bebas. Kaedah ini membolehkan pengkaji menyelami pemikiran, sikap dan pengalaman responden dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan.
- ii. Pemerhatian tidak formal iaitu pemerhatian dilakukan terhadap interaksi bahasa dalam kalangan mahasiswa dalam kawasan kampus, termasuk situasi tidak formal seperti perbualan di kafeteria dan aktiviti ko-kurikulum. Tujuan pemerhatian ini adalah untuk melihat corak penggunaan bahasa Melayu secara spontan dan semula jadi tanpa campur tangan pengkaji.

Pemilihan responden dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu memilih individu yang memenuhi kriteria tertentu dan relevan dengan objektif kajian. Kriteria pemilihan termasuk:

1. Latar belakang etnik yang berbeza
2. Mahasiswa yang aktif dalam aktiviti kampus
3. kerap menggunakan menggunakan media sosial
4. Tahap keaktifan dalam penggunaan bahasa Melayu atau bahasa lain

Kaedah ini dipilih kerana membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada responden yang benar-benar mempunyai pengalaman dan pengalaman yang signifikan terhadap penggunaan bahasa Melayu. Selain itu, borang catatan pemerhatian turut digunakan untuk merekod pemerhatian terhadap interaksi bahasa secara spontan dalam kalangan mahasiswa.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*). Transkrip temu bual dibaca berulang kali untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan penggunaan bahasa Melayu seperti tahap penguasaan lisan dan tulisan; pengaruh bahasa asing; peranan media sosial; keyakinan dan sikap terhadap bahasa Melayu; serta faktor pemangkin dan penghalang dalam menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan analisis data, setiap peserta temu bual telah diberikan kod pengenalan iaitu Responden 1, Responden 2 dan seterusnya sehingga Responden 15. Kaedah ini digunakan bagi memastikan kerahsiaan identiti responden dikekalkan, di samping memudahkan penyelidik merujuk kepada pandangan yang diberikan semasa proses temu bual. Penomboran responden ini digunakan secara konsisten dalam bahagian dapatan kajian untuk mengaitkan kenyataan mereka dengan tema yang dibincangkan.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan mengenai analisis data dan dapatan kajian yang dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama adalah perbincangan dan huraian mengenai latar belakang responden. Bahagian kedua adalah perbincangan mengenai penguasaan bahasa Melayu, manakala bahagian ketiga berkenaan kefahaman terhadap peranan bahasa Melayu. Seterusnya ialah bahagian keempat yang membincangkan mengenai bentuk-bentuk penglibatan dalam menggunakan bahasa Melayu, manakala bahagian kelima adalah perbincangan mengenai halangan dalam usaha menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan.

Responden kajian ini terdiri daripada generasi muda berusia antara 19 hingga 24 tahun. Temu bual yang dijalankan melibatkan pelajar daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta daripada pelbagai latar belakang etnik, sosioekonomi dan lokasi geografi. Kepelbagaian ini penting bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai persepsi dan pengalaman mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu. Sebahagian daripada responden telah melalui sistem pendidikan kebangsaan

sepenuhnya, manakala sebahagian lagi menerima pendidikan di sekolah jenis kebangsaan atau antarabangsa. Perbezaan ini seterusnya berjaya mempengaruhi tahap penguasaan dan sikap mereka terhadap kefahaman dan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

Tahap penguasaan bahasa Melayu secara lisan dalam kalangan generasi muda adalah bervariasi. Pengaruh globalisasi dan teknologi seperti penggunaan media sosial dan hiburan luar negara telah memberikan lebih capaian kepada bahasa-bahasa lain yang mungkin mempengaruhi penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu secara lisan. Sebahagian besar generasi muda lebih mahir menggunakan bahasa Melayu terutama jika mereka terlibat secara aktif dalam persekitaran yang menggunakan bahasa ini sebagai bahasa utama. Walau bagaimanapun, terdapat juga generasi muda yang mungkin mengalami penurunan dalam penguasaan bahasa Melayu secara lisan, terutamanya jika mereka sering menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa lain dalam kehidupan seharian mereka. Daripada temu bual yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu secara lisan dalam kalangan responden berbeza-beza. Responden 1 menyatakan bahawa, *"Saya lebih fasih cakap dalam bahasa Melayu bila kat rumah, sebab mak ayah guna BM. Tapi bila dengan kawan, especially kawan Cina atau India, saya tukar ke English"*. Responden 5 pula berpendapat, *"Saya lebih selesa guna bahasa Melayu kalau bercakap dengan kawan-kawan. Kadang-kadang, saya tukar ke English, tapi BM tetap jadi bahasa utama bila saya nak jelaskan pendapat dengan lebih jelas"*.

Hal ini menunjukkan bahawa konteks sosial amat mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Responden dari luar bandar lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam hampir semua interaksi harian mereka, manakala responden yang berasal dari kawasan bandar lebih terbiasa dengan penggunaan dwibahasa. Bahkan dalam sesetengah kes, mereka lebih dominan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan. Penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan juga adalah bervariasi dalam kalangan generasi muda. Penggunaan komunikasi digital seperti pesanan teks, e-mel dan media sosial telah mempengaruhi cara generasi muda berkomunikasi secara bertulis. Penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan mungkin dipengaruhi oleh penggunaan singkatan, frasa pendek atau perubahan dalam ejaan yang lebih santai dalam bentuk komunikasi digital. Sebahagian responden menyatakan kebimbangan terhadap tahap penguasaan mereka. Responden 3 menyatakan bahawa, *"Saya takut nak tulis esei dalam bahasa Melayu. Saya tahu idea saya okay, tapi bila tulis rasa macam tatabahasa salah"*. Berbeza pula dengan Responden 9 yang mahir untuk menulis dalam bahasa Melayu. Responden 9 tersebut beranggapan bahawa, *"Kalau kita sendiri tidak tulis BM dengan betul, siapa lagi nak angkat bahasa kita? Saya rasa kita patut jaga kualiti penulisan supaya bahasa Melayu terus dihormati"*.

Dapatan ini memperlihatkan wujudnya ketidakyakinan yang berpunca daripada kurang pendedahan kepada latihan penulisan formal dalam bahasa Melayu, walaupun mereka menggunakannya dalam konteks tidak rasmi pada setiap hari. Namun, di sisi lain, terdapat juga usaha-usaha untuk mempromosikan dan mempertahankan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam penulisan melalui program-program pendidikan dan kesedaran bahasa. Selain itu, tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latar belakang keluarga, pendidikan formal dan pengalaman seseorang individu dalam menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian.

Penggunaan dan peranan bahasa Melayu di Malaysia sangat penting dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, undang-undang, pendidikan, pembentukan perpaduan dan hiburan. Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam usaha untuk mempertahankan identiti budaya di Malaysia. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda secara tidak langsung dapat membantu mereka untuk terus terhubung dengan warisan budaya dan lebih terikat dengan komuniti dan budaya itu sendiri. Penggunaan bahasa Melayu dengan rakan dan keluarga dapat membantu mahasiswa membina keyakinan diri dalam menggunakan bahasa tersebut. Apabila mahasiswa sudah mempunyai kebiasaan bercakap dalam bahasa Melayu dengan orang-orang yang rapat, mereka akan berasa lebih selesa dan yakin untuk menggunakan bahasa tersebut dalam situasi lain, seperti dalam kelas atau dalam aktiviti ko-kurikulum. Keyakinan dalam menggunakan bahasa kebangsaan adalah penting untuk memastikan bahasa tersebut digunakan secara meluas. Keyakinan yang dibina melalui interaksi harian membantu mahasiswa menggunakan bahasa Melayu dengan lebih lancar dalam pelbagai konteks. Penggunaan bahasa Melayu dalam perbualan bersama rakan daripada pelbagai latar belakang etnik membantu memupuk kesefahaman dan toleransi. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang dikongsi bersama membolehkan mahasiswa berkomunikasi dengan lebih efektif dan memahami

perspektif yang berbeza. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dalam kalangan mahasiswa adalah penting untuk membina kesefahaman antara pelbagai etnik. Hal ini membantu dalam mengurangkan prasangka dan meningkatkan hubungan harmoni antara mahasiswa.

Selain itu, bahasa Melayu turut berperanan sebagai bahasa perpaduan di Malaysia. Memahami bahasa Melayu secara tidak langsung dapat membantu generasi muda yang datang daripada pelbagai latar belakang etnik dan agama untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini dapat membantu generasi muda untuk mempromosikan integrasi sosial dan mewujudkan kesepaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia di samping memberi penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Kelestarian bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda adalah penting untuk memastikan warisan budaya dan identiti Malaysia yang kaya dengan keharmonian sentiasa terus hidup dan berkembang. Kebanyakan responden mengakui bahawa bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional. Responden juga melihat bahasa Melayu sebagai medium yang selamat dan neutral untuk berkomunikasi apabila berada dalam kumpulan yang berbilang kaum. Salah seorang daripada mereka iaitu Responden 13 berpendapat bahawa, *“Kalau ada kawan dari pelbagai negeri dan kaum, BM jadi pilihan paling mudah. Semua orang faham, semua boleh cakap. Tak rasa terpinggir”*.

Namun, berbeza pula dengan Responden 7 yang mengaitkan penggunaan bahasa tersebut sebagai bahasa untuk sesuatu kaum sahaja. Responden 7 yang merupakan mahasiswa bukan Melayu telah menegaskan, *“Kadang-kadang rasa macam bila cakap BM, orang tengok kita pelik... sebab saya bukan Melayu. Tapi saya nak improve sebab saya rakyat Malaysia juga”*. Kenyataan ini menunjukkan bahawa wujudnya sempadan simbolik dalam persepsi bahawa bahasa Melayu sebagai milik satu kaum, bukannya seluruh warganegara Malaysia. Hal ini penting kerana perkara tersebut dapat menjadi kayu ukur untuk memperkukuh naratif bahawa bahasa Melayu ialah bahasa perpaduan dan bukannya eksklusif kepada satu kaum sahaja.

Terdapat beberapa bentuk penglibatan dalam menggunakan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Penglibatan yang paling umum adalah melalui komunikasi lisan. Komunikasi ini merangkumi interaksi harian dengan keluarga, rakan sebaya dan juga masyarakat tempatan. Penggunaan bahasa Melayu dalam interaksi seharian membolehkan generasi muda untuk berkomunikasi dan menjalin hubungan yang baik dalam komuniti di sekeliling mereka. Manakala, penglibatan dan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang penulisan pula melibatkan sebarang penulisan atau catatan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu membolehkan generasi muda untuk menyampaikan pemikiran dan idea mereka dengan lebih jelas dan efektif. Semua responden menunjukkan pelbagai bentuk penglibatan dalam menggunakan bahasa Melayu sama ada secara formal atau tidak formal. 10 orang responden aktif menyertai pertandingan pidato, debat dan penulisan cerpen. Responden 11 turut berkongsi, *“Saya mula minat tulis puisi dalam BM sebab rasa lebih senang nak luahkan emosi. Dalam English pun boleh, tapi tak sama rasa dia”*.

Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu masih menjadi medium ekspresi diri yang bermakna kepada generasi muda. Selain itu, penglibatan mereka juga diperluas kepada media sosial seperti membuat kandungan *TikTok* atau *Instagram Reels* dalam bahasa Melayu bagi menunjukkan integrasi bahasa dengan dunia digital mereka. Generasi muda turut terlibat dalam acara-acara debat, pertandingan pidato, pertandingan kebahasaan dan persembahan awam yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Program seumpama ini melibatkan penguasaan kemahiran menulis, berpidato, berdebat dan berucap di hadapan orang ramai dengan menggunakan bahasa Melayu. Selain dapat mengembangkan dan mengekspresikan bakat mereka dalam menggunakan bahasa Melayu, generasi muda juga secara tidak langsung dapat mempromosikan seni dan budaya Malaysia di samping memperkaya warisan budaya Melayu. Melalui penglibatan dalam penggunaan bahasa Melayu, generasi muda dapat memperkukuh penguasaan bahasa mereka dan melibatkan diri dalam pembangunan sosial dan budaya di negara ini.

Dalam usaha menggunakan bahasa Melayu, terdapat beberapa yang mungkin dihadapi oleh generasi muda. Sebagai contoh, pengaruh bahasa asing seperti bahasa Inggeris dapat mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu. Terdapat kecenderungan generasi muda untuk menggunakan lebih banyak bahasa asing dalam komunikasi mereka yang mungkin dapat mengurangkan penggunaan bahasa Melayu. Selain itu, generasi muda masa kini juga cenderung untuk menggunakan campuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau bahasa lain dalam percakapan harian mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat mendorong ke arah penggunaan bahasa Melayu yang tidak tulen dan mengurangkan

kesempurnaan komunikasi dalam bahasa Melayu. Persekitaran sosial turut memainkan peranan besar dalam menentukan tahap penggunaan bahasa Melayu. Sebahagian responden melaporkan bahawa dalam kelompok rakan mereka, penggunaan bahasa rojak atau sepenuhnya dalam bahasa Inggeris adalah lebih diterima, manakala penggunaan bahasa melayu penuh dianggap sebagai tidak sejajar dengan gaya komunikasi generasi muda. Responden 4 berpendapat bahawa, *“Kalau cakap BM penuh kadang-kadang rasa janggal.. kawan-kawan pun biasa guna mix language. Kalau cakap BM baku, nanti kena usik”*.

Di samping itu, perkembangan teknologi dan penggunaan media sosial telah memberikan ruang kepada generasi muda untuk berkomunikasi dalam bahasa yang lebih santai dan tidak formal. Penggunaan singkatan dan bahasa internet dalam media sosial turut menyebabkan kurangnya pemahaman dan kecekapan dalam penggunaan bahasa Melayu yang formal. Kurangnya pemahaman tatabahasa turut menyebabkan generasi muda mungkin menghadapi kesulitan dalam memahami dan menguasai tatabahasa bahasa Melayu yang betul. Ketidakpastian dalam penggunaan imbuhan, susunan ayat atau ejaan yang betul turut menjadi penyumbang yang menghalang kefasihan dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka. Untuk mengatasi halangan-halangan ini, generasi muda wajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam penggunaan dan pemeliharaan bahasa Melayu. Hal ini termasuklah mempelbagaikan bahan bacaan dalam bahasa Melayu, berkomunikasi dengan keluarga dan rakan sebaya dalam bahasa Melayu, mengikuti kursus dan program bahasa Melayu serta mempelajari tatabahasa dan ejaan bahasa Melayu dengan lebih mendalam.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai peranan yang besar sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda memainkan peranan penting dalam usaha untuk melahirkan generasi yang mampu dan fasih menggunakan bahasa tersebut. Untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu yang kukuh dalam kalangan generasi muda, kemudahan capaian kepada bahan-bahan bacaan berkualiti dan galakan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti-aktiviti sosial dan budaya harus dilaksanakan. Dengan usaha yang berterusan, bahasa Melayu akan dapat menjadi asas yang kukuh dalam pemeliharaan budaya dan identiti nasional generasi muda.

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa bahasa Melayu berperanan penting dalam kehidupan generasi muda, khususnya sebagai medium komunikasi harian yang fasih dan berkesan. Walaupun wujud cabaran dalam aspek formal dan akademik, namun sikap positif, minat yang tinggi serta keterbukaan untuk memperkukuh penggunaan bahasa Melayu membuktikan bahawa bahasa ini masih mempunyai tempat yang signifikan dalam kalangan generasi muda pelbagai kaum. Lebih penting lagi, penggunaan bahasa Melayu merentas etnik dan latar belakang sosial telah membentuk ruang komunikasi bersama yang inklusif. Apabila generasi muda dapat berinteraksi dengan selesa dalam bahasa yang sama, hal ini bukan sahaja memudahkan penyampaian maklumat, malah menggalakkan kesefahaman, toleransi dan penerimaan budaya antara satu sama lain. Justeru, bahasa Melayu terbukti berfungsi bukan sekadar sebagai bahasa kebangsaan, tetapi juga sebagai bahasa perpaduan yang menghubungkan rakyat Malaysia dalam kepelbagaian mereka.

Ringkasnya, hubungan etnik di Malaysia di Malaysia wajar dimantapkan dari semasa ke semasa untuk mencapai tahap integrasi sosial yang lebih bersepadu. Perkara utamanya ialah semangat cintakan negara perlu disemai ke dalam jiwa masyarakat kita semenjak kecil lagi bagi mewujudkan jalinan integrasi yang utuh dan murni dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kaya dengan pelbagai kebudayaan dan keagamaan. Oleh itu, generasi muda dilihat sebagai aset penting untuk membolehkan misi ini dapat dicapai secara menyeluruh. Masa depan negara kita sememangnya ditentukan oleh pemersatuan rakyat berbilang kaum dan bukannya oleh kuasa asing. Setiap kaum mempunyai peranan masing-masing untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu. Aspek modal insan perlulah diberi penekanan secara menyeluruh bagi mewujudkan sebuah negara yang didiami masyarakat berintegrasi yang bersepadu dengan melihat segala perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia sekarang. Untuk mengatasi halangan-halangan ini, dasar yang lebih seimbang dan

menyeluruh perlu diperkenalkan, yang mengiktiraf dan mempromosikan kepentingan Bahasa Melayu sambil memastikan mahasiswa juga mendapat kemahiran dalam bahasa-bahasa lain yang penting.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2005). *Perancangan Bahasa dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S.. (Eds.). (2018). *The Sage Handbook of Qualitative Research* (5th ed.). Sage Publications.
- Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik. (2022). *Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid India di Sebuah Sekolah Rendah*. dlm Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.
- Hishammuddin Tun Hussien. (2005, September 13). *Kenyataan tentang Memberi Penghormatan dan Kedudukan Sewajarnya kepada Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Ilmu dan Bahasa perpaduan*. Berita Harian.
- Jeniri Amir. (2009). *Bahasa Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). *Pengukuhan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta*. dlm Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH).
- Norul Huda Mohd Ghazali, Sharliana Che Ani & Sharmelaa Mahindran. (2024). *Kepentingan Bahasa Melayu dalam Memperkukuhkan Identiti Kebangsaan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta*. dlm Asian Journal of Research in Education and Social Sciences: Vol. 6, No. 7, 99-108.